

Masalah parit dapat perhatian ADUN

BAGAN NAKHODA OMAR – Permasalahan parit yang tidak dibersihkan sehingga menyebabkan air hujan melimpah memasuki kawasan kebun dan kolam ikan penduduk mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad yang mahu masalah itu diselesaikan segera.

Raja Ideris berkata, pihaknya sudah memanjangkan masalah itu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan mereka sudah pun memberikan komitmen untuk menyelesaikan masalah itu secepat mungkin.

“Masalah ini perlu diselesaikan segera, tambahkan pula sekarang musim hujan dan banjir. Seharusnya, persediaan mesti dibuat untuk menghadapi musim banjir.

“Sekiranya parit dibersihkan, apabila hujan tentu air dapat mengalir dengan elok ke tali



■ **RAJA IDERIS**

air,” katanya ketika ditemui pada Program Mesra Rakyat di sini.

Katanya, Kerajaan Negeri juga perlu prihatin dengan masalah itu supaya ia tidak berulang lagi.

“Kerajaan Negeri termasuk kepimpinan di peringkat akar umbi perlu prihatin dengan kehidupan dan kebajikan rakyat yang terlibat dalam masalah ini.

“Bulan Oktober hingga Disember musim hujan dan Kerajaan Negeri perlu membuat persediaan seperti parit yang perlu dibersihkan untuk

menghadapi pelbagai kemungkinan yang berlaku ketika musim hujan,” katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Bahagian Sabak Bernam Bernam, Raja Ideris berkata, gerakan dan persediaan yang dilakukan BN di bahagian itu sememangnya baik dan konsisten.

“Gerakan yang dijalankan oleh BN di sini menampilkan tanda positif sebagai persediaan untuk menghadapi pilihanraya akan datang. Jentera parti semakin kuat dan persediaan yang diatur memperlihatkan semua komponen BN memberikan kerjasama yang cukup baik.

“Kerjasama inilah yang akan menentukan kemenangan BN dan kita mengharapkan kerjasama ini berkesan dan memang ada nada tanda positif majoriti akan bertambah berbanding pilihanraya pada 2008 lalu,” katanya.